

TEKS UCAPTAMA

**YB. TUAN HAJI MOHD ANUAR BIN MOHD TAHIR
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA
SEMPENA**

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK MENGGANTIKAN
JAMBATAN SEDIA ADA TEMERLOH PAHANG (SG.
SEMANTAN)**

PADA 17 JANUARI 2019 (KHAMIS)

(SALUTASI)

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Jabatan Kerja Raya Pahang, Jabatan Kerja Raya Temerloh,

Rakan-rakan pihak media

Seterusnya sidang hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warrahmatullah Hiwabarakatuh, dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, kita panjatkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kehadiran Allah SWT kerana atas keizinan-Nya kita semua berpeluang hadir pada hari yang cukup bermakna dan bersejarah ini bagi sama-sama menyaksikan penyerahan Projek Menggantikan Jambatan sedia ada di kawasan Temerloh, Pahang (Sungai Semantan). Penyerahan projek ini menzahirkan komitmen yang tinggi pihak kerajaan terutama dalam konteks untuk terus memperkasa momentum kehidupan rakyat supaya terus terbela di bawah kerajaan baharu pada hari ini.
2. Bagi pihak Kementerian Kerja raya, saya juga ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan yang hadir bersama-sama bagi menyempurnakan majlis ini. Saya yakin dan percaya kehadiran kita semua ke majlis ini melambangkan iltizam dan azam kita bersama dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan negara khususnya masyarakat di kawasan Temerloh, Pahang ini.
3. Kita sedia maklum projek menggantikan jambatan sedia ada di kawasan ini amat diharapkan dan dinanti-nantikan oleh penduduk di sekitar kawasan ini memandangkan kedua-dua jambatan ini iaitu jambatan Sungai Semantan yang telah dibina sejak tahun 1960 dan jambatan Sungai Kawang yang

telah dibina sejak tahun 1955 tidak lagi praktikal digunakan dengan keadaan semasa memandangkan ketidakupayaannya menampung kesesakan aliran trafik yang semakin meningkat.

4. Untuk makluman bersama projek membina jambatan sungai Semantan yang menggantikan jambatan sedia ada sepanjang 100 meter dan pengalihan utiliti telah dimulakan pada awal bulan Ogos tahun 2016 dengan kos sebanyak RM15.6 juta dan siap sepenuhnya pada 15hb Januari 2019.
5. Sementara jambatan Sungai Kawang juga telah dibina pada awal bulan September tahun 2016, sepanjang 40 meter melibatkan pengalihan utiliti dan kerja-kerja baikpulih jalan sedia ada dengan kos sebanyak RM8.9 juta telah siap sepenuhnya pada 31hb Ogos 2018. Kedua-dua projek ini dilaksana menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan di bawah Rolling Plan 3(RP3) melalui Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10).
6. Sebagaimana yang saya nyatakan sebentar tadi pembinaan kedua-dua jambatan ini bertujuan bagi menggantikan jambatan sedia ada yang telah lama dibina dan tidak lagi sesuai dengan perkembangan masa kini dan untuk menyediakan pembangunan infrastruktur yang lebih selesa terutama kepada penduduk di sekitar kawasan ini. Diharapkan dengan terlaksananya kedua-dua projek ini ia berupaya memberi nafas baharu bukan hanya meningkatkan lagi tahap keselamatan dan keselesaan pengguna yang secara langsung akan melancarkan aliran trafik tetapi berupaya menjadi nadi kepada peningkatan produktiviti perekonomian masyarakat khusus di kawasan ini dan kawasan sekitarnya.
7. Selain daripada itu terdapat dua lagi projek di bawah Kementerian Kerja Raya, di kawasan Temerloh iaitu Projek Menggantikan Jambatan sedia ada di Kuala Krau bernilai RM14.93 juta yang masih dalam pembinaan dan Projek Menaiktaraf Jambatan Sultan Haji Ahmad Shah atau dikenali juga

sebagai Jambatan Kedua Temerloh daripada 2 lorong kepada 4 lorong bernilai RM160 juta yang dalam peringkat rekabentuk. Pelaksanaan projek ini memperlihatkan kegigihan pihak kerajaan untuk membawa pembangunan dan mensejahterakan kehidupan rakyat khususnya di kawasan luar bandar. Dengan terbinanya jambatan di tempat-tempat ini ia bukan hanya berupaya menjadi penghubung antara masyarakat luar dan sekitar kawasan ini tetapi yang paling penting menjadi penghubung bagi meluaskan lagi jaringan ekonomi di tempat ini.

8. Akhir kata, sebelum mengundur diri saya sekali lagi merakamkan penghargaan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir dan tidak lupa kepada seluruh ahli jawatan kuasa yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis perasmian ini. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada rakan-rakan media yang hadir semoga usaha murni ini akan terus mendapat keberkatan daripada Allah SWT, Insha Allah.
9. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan Penyerahan Projek Menggantikan Jambatan sedia ada Sungai Semantan di Temerloh, Pahang.

Sekian, terima kasih.